

24/03/1998

Perdana Menteri lawat Kelantan Sabtu ini

JELI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan bagi menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat dan merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Jeli, Sabtu ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan berlepas dengan helikopter dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa, Kota Bharu menuju ke Kem Tentera 301, Batu 11, dekat sini, sebelum berkereta dengan diiringi perarakan 50 Perodua Kancil dan 100 motosikal menuju ke Kompleks Umno Jeli, di Bukit Nangka, dekat sini.

Dr Mahathir dan isteri akan dijangka tiba di kompleks ini kira-kira jam 9.40 pagi.

Bersempena lawatan itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dijadual merasmikan pembukaan Kompleks Umno bahagian itu, manakala Dr Siti Hasmah pula merasmikan dewan badminton pada pagi yang sama.

(END)